

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan 1 juta pembayar cukai individu yang telah menuntut rebat cukai ke atas bayaran zakat :-

- (a) berapa pembayar cukai yang masih mempunyai baki cukai pendapatan yang perlu dibayar serta jumlah bayaran kepada LHDN mengikut banjaran masing-masing; dan
- (b) berapa pembayar cukai yang tiada baki cukai pendapatan yang perlu dibayar serta jumlah rebat zakat yang telah dituntut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan tuntutan rebat zakat oleh pembayar cukai individu bagi tahun taksiran 2020, bilangan pembayar cukai yang menuntut rebat zakat dan masih mempunyai baki cukai pendapatan yang perlu dibayar adalah sebanyak 589,583 orang, dan melibatkan baki cukai pendapatan yang perlu dibayar berjumlah 3.5 bilion ringgit.

Pembayar cukai yang menuntut rebat zakat dan tiada baki cukai pendapatan yang perlu dibayar, untuk tahun taksiran yang sama pula, berjumlah 284,540 orang, dengan rebat zakat yang dituntut berjumlah 712 juta ringgit. Sekian, terima kasih.